


PERJUMPAAN YB MENTERI KPKT BERSAMA MANGSA-MANGSA PENIPUAN SKIM PEMBINAAN RUMAH MAMPU MILIK OLEH DBI PROPERTIES



YB Tan Sri Noh bin Haji Omar (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) telah mengadakan perjumpaan bersama 53 orang mangsa penipuan skim pembinaan rumah mampu milik oleh DBI Properties pada 12 Disember 2017 di Pejabat PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa), Jalan Cenderasari, Kuala Lumpur.

Pada pertemuan ini, KPKT melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) telah mendapatkan mendapat maklumat lanjut mengenai skim pembinaan rumah

mampu milik ini daripada mangsa-mangsa. Skim ini telah memperdayakan mangsa-mangsa melalui operasi mereka di beberapa negeri antaranya ialah Johor, Pahang, Kedah, Negeri Sembilan, Terengganu dan Selangor.



Dalam pertemuan ini, YB Menteri telah menawarkan tiga jalan penyelesaian ke atas masalah ini. Salah satunya ialah Skim Pinjaman Perumahan (SPP) bagi mereka yang mempunyai tanah sendiri. Selain itu, mereka juga ditawarkan untuk memiliki rumah melalui Program Perumahan Rakyat (PPR) atau Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome) yang mana syarat-syarat permohonan akan dilonggarkan untuk mangsa-mangsa yang terlibat.



YB Menteri juga mengumumkan bahawa KPKT akan membuat pindaan ke atas Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) pada awal tahun 2019. Pindaan ini adalah bagi memperluaskan skop fungsi Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah bagi membantu mangsa yang ditipu oleh syarikat perumahan selepas membayar wang deposit. Pada ketika ini, pindaan ini berada dalam peringkat kajian untuk memastikan pindaan dilaksanakan secara menyeluruh.

Sumber: Unit Komunikasi Korporat, KPKT